



<http://srigading.kktm.edu.my/>


Bil. 4/2023

JULAI | OGOS



TAHNIAH!  
KKTMB SRI GADING TELAH  
DINOBATKAN SEBAGAI IPMA  
TERBAIK 2023

# BULETIN IVORY



TAHNIAH!  
ALUMNI KKTMSG YANG TELAH  
BERGRADUASI DI UNSW SYDNEY  
AUSTRALIA

>>> 2 JULAI 2023

## MAJLIS KORBAN 1444H PERINGKAT KKT M SRI GADING

Pada tahun ini, Sekretariat Kerohanian dengan Kerjasama Unit HELWA telah berjaya melaksanakan ibadah korban dan akikah di Surau An-Nur. Semua korban dan akikah telah dilaksanakan pada 2 Julai 2023 bersamaan 13 Zulhijjah 1444H.



Sebanyak 3 ekor lembu dan seekor kambing telah disembelih di pusat penyembelihan dan daging-dagingnya telah diagihkan bagi tujuan ibadah korban dan akikah.



Selain itu, aktiviti rewang memasak turut diadakan di kalangan kakitangan staf wanita untuk menjamu kakitangan yang bergotong-royong untuk majlis ini.

# LAWATAN KERJA KKTM SRI GADING KE MALAYSIAN GREEN TECHNOLOGY AND CLIMATE CHANGE CORPORATION

05 JULAI 2023



Tujuan lawatan ini dibuat adalah untuk mewujudkan kerjasama dalam bidang kejuruteraan awam dan berkongsi maklumat terkini berkenaan teknologi bangunan hijau.



Satu lawatan kerja ke Malaysian Green Technology and Climate Change Corporation telah dilaksanakan pada 5 Julai 2023. Seramai lima orang wakil KKTM Sri Gading yang terdiri daripada Tuan Pengarah KKTM Sri Gading iaitu Tuan Haji Azman bin Ali, ditemani Ketua Program DTE, Encik Mohamad Wazir Shafiq bin Osman bersama pensyarah-pensyarah lain telah turut mengikuti lawatan ini.



KKTMSG GO GREEN FURTHER!!!

# WEBINAR : SEMINAR & KERJAYA EKspo TVET@KKDW 2023



## Seminar/Webinar

Sesi ini merupakan sesi yang mengupas isu berkaitan kerjaya, success story dan Ikon TVET dengan pelbagai topik menarik.

## FB TVET MARA Live

Sesi webinar EXPO TVET@KKDW 2023 telah diadakan pada 10 Julai 2023 bermula dari pukul 3.30 hingga 4.30 petang. Sesi kali ini telah menjemput Encik Aidil Mat Shah dari DSI Bina Resources yang juga merupakan alumni KKTMM Sri Gading bagi membincang topik "Membangunkan Modal Insan Pembinaan". Sesi tersebut dikendalikan oleh Pn. Noridah binti Ithnin, pensyarah KKTMM Sri Gading sebagai moderator.



# **PROGRAM MARA CHARACTER ENRICHMENT PROGRAMME (MCEP) BAGI PELAJAR TINGKATAN 5 SEKOLAH NEGERI JOHOR**

**6-8 JULAI 2023 | DEWAN TEATER A**



## **OBJEKTIF PROGRAM**

- Membentuk keperibadian yang positif dan karakter yang cemerlang dalam diri pelajar dalam menguruskan cabaran masa hadapan.
- Pengenalan kepada program-program yang terdapat di KKTm Sri Gading.
- Pendedahan kepada teknologi terkini dalam pembinaan.



## **ANJURAN:**

PEJABAT MARA NEGERI JOHOR

## **DENGAN KERJASAMA:**

PEJABAT PENDIDIKAN DAERAH  
BATU PAHAT DAN KKTm SRI  
GADING

# PROGRAM PEMETAAN SILIBUS BERSAMA PROGRAM MAINTENANCE UNIKL MITEC, PASIR GUDANG

Objektif program ini adalah bertujuan untuk mengadakan usahasama pemetaan silibus khususnya dalam bidang Facilities Maintenance.



Pada 10 Julai 2023, satu Program Pemetaan Silibus telah diadakan di antara pihak Kolej Kemahiran Tinggi MARA Sri Gading dan Program Facilities Maintenance UniKL MITEC Pasir Gudang. Ianya melibatkan 6 program di KKTMR Sri Gading dimana ianya dapat membantu pelajar yang melanjutkan pelajaran di peringkat Ijazah.

Rombongan dari KKTMR Sri Gading telah diketuai oleh Encik Khairul Anuar bin Mohd Jais selaku Timbalan Pengarah Hal Ehwal Akademik dan Ketua Program DTM Encik Fakhru Razi bin Abd Aziz, Ketua Program DTG Puan Zaharah binti Mamat, Ketua Program DTH Encik Lelasari bin Ali dan wakil setiap program lain iaitu program DTC Encik Mohd Rashwan bin Arshad, program DTF Puan Rosni binti Aziz dan program DTV Puan Suhaya binti Sukemi. Manakala pihak UniKL MITEC telah dipengerusikan oleh Haji Mohamad Shahru Effendy Kosnan selaku ketua jabatan Program Facilities Maintenance dan beberapa orang pensyarah program yang sama.

# **MAJLIS PERPISAHAN**

## **PUAN HJH SURAIYAH BINTI ZAIBON DAN**

## **ENCIK AMAL FAHMI BIN ADAM**



### **OBJEKTIF**

1. Untuk menghargai jasa-jasa atas perkhidmatan yang telah diberikan sepanjang bertugas di KKT MARA Sri Gading.
2. Mewujudkan ikatan silaturrahim diantara semua staf walaupun telah berpindah atau menamatkan perkhidmatan bersama MARA.

Pada 10 Julai 2023, pihak Kolej Kemahiran Tinggi MARA Sri Gading telah mengadakan satu majlis di Dewan Teater A bagi mengenang jasa 2 orang staf yang akan berpindah dan juga tamat perkhidmatan. Untuk makluman, Ustazah Hajah Suraiyah binti Zaibon selaku Ketua Jabatan Pengajian Am akan berpindah ke IKM Sik, Kedah manakala Encik Amal Fahmi bin Adam dari Unit ICT KKT MARA Sri Gading akan menamatkan perkhidmatan bersama MARA dan beliau akan memulakan perniagaan dalam bidang ICT di sekitar Parit Raja dan Batu Pahat. Untuk rekod, kedua-dua mereka telah berkhidmat di KKT MARA Sri Gading lebih 10 tahun pengalaman.



Bersama-sama kita mendoakan kejayaan mereka untuk terus berjaya dalam bidang masing-masing di masa akan datang.

# KURSUS ANGER MANAGEMENT IN ORGANIZATION

DEWAN TEATER A, KKT M SRI GADING




Tanggal 11 Julai 2023 yang lalu, bertempat di Dewan Teater A, Jabatan Teknologi Kejuruteraan Pembinaan (Geo-Struktur) DTG telah menganjurkan satu kursus iaitu *Anger Management In Organization*.

Kursus yang dikelolakan oleh Encik Mohd Sayuthi bin Mohd Said yang juga merupakan salah seorang daripada pensyarah DTG ini telah melibatkan semua warga kerja KKTMSG seramai 120 orang.

Dr. Syed Faizal Sitheek Rahman dijemput sebagai penceramah bagi kursus ini. Beliau merupakan pengasas kepada Syed Faizal Training Consultant.

## OBJEKTIF

- Untuk memahami konsep dan senario pengurusan kemarahan di dalam organisasi, meningkatkan kemahiran untuk mengesan, mengawal dan mengatasi kemarahan dalam diri serta meningkatkan fokus kawalan diri dan memberi kesan positif kepada prestasi kerja.
- Mewujudkan persekitaran kerja yang lebih positif serta memantap kemahiran mengurus kemarahan.



# PROGRAM SESI LIBAT URUS KESATUAN PEGAWAI-PEGAWAI MARA



"Pada 16 Julai 2023, telah diadakan pertemuan diantara pihak KPPM dengan semua ahli-ahli KPPM dari kalangan staf KKTMR Sri Gading. Pada pertemuan ini, Pengurus KPPM iaitu Tuan Haji Ahmad Fauzi bin Ahmad memberi taklimat mengenai penubuhan awal KPPM serta kebaikan/faedah pada setiap ahli yang menyertai kesatuan ini.

Dalam pada itu, beliau juga menzahirkan kesyukuran diatas penyertaan ahli dari kalangan staf KKTMR Sri Gading yang semakin meningkat kerana atas kepercayaan yang diberikan. Selain itu, pengurus juga telah memaklumkan mengenai pilihanraya KPPM tahun 2023/2024 yang akan datang dan menyeru semua ahli untuk memberi mandat kepada Ahli Jawatankuasa yang baru yang akan dilantik kelak.



## OBJEKTIF

1. Menerangkan tentang faedah dan kebaikan dalam kesatuan.
2. Memberi maklumat sahih tentang KPPM.
3. Mempromosikan KPPM pada ahli-ahli yang belum menyertai kesatuan.
4. Memberi bantuan kewangan kepada mangsa-mangsa banjir yang terdiri dari ahli KPPM KKTMR Sri Gading dan sumbangan Yayasan Pelajaran MARA (YPM) pada anak-anak staf MARA.

# **A N U G E R A H P E K E R J A T E R B A I K B U L A N A N K K T M S R I G A D I N G B A G I B U L A N M E I D A N J U N 2 0 2 3**

DEWAN TEATER A, KKT M SRI GADING

ISNIN

17 JULAI 2023



Perhimpunan staf mingguan pada 17 Julai 2023 yang lalu telah dihoskan oleh Jabatan DTC. Perhimpunan tersebut telah diisi dengan acara penyampaian Anugerah Pekerja Terbaik Bulanan Kolej Kemahiran Tinggi MARA Sri Gading. Penyampaian anugerah tersebut terdiri daripada 2 kategori iaitu Kategori Staf Akademik dan Kategori Staf Pentadbiran. Bagi penerima Anugerah Pekerja Terbaik Bulanan Kategori Staf Akademik Bulan Mei adalah Ir. Hanif bin Didi

dan anugerah bagi bulan Jun adalah Puan Zahtuliffa binti Tusimin. Manakala bagi staf pentadbiran pula, Anugerah Pekerja Terbaik Bulanan pada Bulan Mei adalah Encik Mustapa bin Abu Bakar manakala bagi Bulan Jun adalah Puan Ros Anida binti Daud. Sekalung tahniah dicapkan dan semoga memberi iltizam dan menjadi inspirasi kepada seluruh warga kerja Kolej Kemahiran Tinggi MARA Sri Gading.

## **SENARAI ANUGERAH**

1. Staf Terbaik Bulanan Akademik Bulan Mei KKT M Sri Gading
2. Staf Terbaik Bulanan Akademik Bulan Jun KKT M Sri Gading
3. Staf Terbaik Bulanan Pentadbiran Bulan Mei KKT M Sri Gading
4. Staf Terbaik Bulanan Pentadbiran Bulan Jun KKT M Sri Gading



# **PROGRAM CERAMAH 3R & “TRASH TO CASH”**

Jawatankuasa Teknologi Hijau & Alam Sekitar Kolej Kemahiran Tinggi Sri Gading telah mengadakan program Ceramah 3R & “Trash to Cash” dengan kerjasama Perbadanan Pengurusan Sisa Pepejal dan Pembersihan Awam (SWCorp). Program ini telah berlangsung pada 17 Julai 2023 di Dewan Teater A dan dihadiri oleh staf Kolej Kemahiran Tinggi MARA Sri Gading.



Program ini mampu memupuk semangat 3R (Reduce, Reuse, Recycle) di kalangan staf Kolej Kemahiran Tinggi MARA Sri Gading. Program ini turut dihadiri oleh Pengarah Kolej Kemahiran Tinggi Sri Gading, Tn. Hj. Azman bin Ali. Ceramah 3R ini telah disampaikan oleh En. Molzairy bin Hamzah daripada pihak SWCorp. Selain itu, terdapat juga program ‘Trash to Cash’, di mana staf membawa barang terpakai untuk dikitar semula. Staf yang membawa barang kitar semula berpeluang untuk mendapat hadiah melalui cabutan bertuah dan barang kitar semula terberat. Tempat pengumpulan barang untuk dikitar semula telah diadakan di foyer bersebelahan bilik Jabatan DTG.



# PENERIMA ANUGERAH INSTITUSI PENDIDIKAN MARA TERBAIK

18 Julai 2023



Pada majlis itu, terdapat beberapa anugerah yang disampaikan kepada warga IPMA termasuk Anugerah IPMA Terbaik kepada 12 IPMA termasuk Kolej Kemahiran Tinggi MARA Sri Gading (KKTMSG), Anugerah Pendidik Cemerlang MARA, Anugerah Ikon Pendidik Wanita MARA dan Anugerah Tokoh Pendidik MARA.



Anugerah telah disampaikan oleh Timbalan Perdana Menteri yang juga merupakan Menteri Kemajuan Desa dan Wilayah Datuk Seri Dr Ahmad Zahid Hamidi semasa Hari Anugerah Pendidik MARA di Kuala Lumpur.



Pengarah KKTMSG, Tn. Hj. Azman bin Ali berkata pengiktirafan anugerah tersebut adalah hasil usaha sama daripada pihak pengurusan pusat dan warga kerja KKTMR Sri Gading yang komited dalam melaksanakan tugas masing-masing bagi mencapai kejayaan ini.

# BENGKEL PENYEDIAAN DOKUMEN SELF ASSESSMENT REPORT (SAR) BAGI PROGRAM DTE DAN DTV



## SOROTAN

Bengkel Penyediaan Dokumen Self Assessment Report (SAR) telah diadakan di Bilik Seminar KKT M Sri Gading selama 3 hari iaitu pada 17, 18 dan 20 Julai 2023. Penyediaan dokumen SAR telah dikendalikan oleh pensyarah-pensyarah Jabatan DTE dan Jabatan DTV bagi mendapatkan permohonan kitaran baru (ETAC) bagi program DTV dan DTE di Kolej Kemahiran Tinggi MARA Sri Gading.

Bengkel ini juga dihadiri oleh mantan Timbalan Pengarah Hal Ehwal Akademik, Kolej Kemahiran Tinggi MARA Sri Gading, En. Khairul Anuar bin Mohd Jais. Diharapkan penyediaan dokumen SAR kedua-dua jabatan (DTE dan DTV) mendapat akreditasi penuh ETAC di Kolej Kemahiran Tinggi MARA Sri Gading.

# TAKLIMAT PENGARAH KKTM SRI GADING BERSAMA IBU BAPA PELAJAR BARU SESI JULAI - DISEMBER 2023

Dewan Teater A, KKTM Sri Gading



**KKTM SRI GADING**

"Kami adalah Institusi  
MARA terbaik bagi  
tahun 2023"

Pada 23 Julai 2023, bertempat di Dewan Teater A telah diadakan Taklimat Pengarah KKTM Sri Gading (Tn. Hj. Azman bin Ali) bersama ibu bapa pelajar baru. Semasa taklimat ini berlangsung, pelbagai maklumat berkaitan Kolej Kemahiran Tinggi MARA Sri Gading telah dikongsikan kepada ibubapa para pelajar baru. Semoga ibubapa yang hadir mendapat input yang berguna tentang pendidikan di KKTM Sri Gading.

# **TAKLIMAT PELAJAR BARU SESI JULAI – DISEMBER 2023**

**BERSAMA TIMBALAN  
PENGARAH KHIDMAT  
PENGURUSAN & HAL EHWAL  
PELAJAR DAN TIMBALAN  
PENGARAH HAL EHWAL  
AKADEMIK**



Taklimat pelajar baru bersama Timbalan Pengarah Khidmat Pengurusan & Hal Ehwal Pelajar (En. Shah Zulmizan bin Safar) dan Timbalan Pengarah Hal Ehwal Akademik (En. Khairul Anuar bin Mohd Jais) telah diadakan di Dewan Darul Takzim pada 23 Julai 2023 yang lalu. Semua pelajar baru di KKTMSG berpeluang untuk bertanya mengenai perkara-perkara yang berkaitan dengan KKTMSG semasa sesi taklimat itu berlangsung.

Selamat datang diucapkan. Semoga kalian semua sentiasa bersemangat dan ceria untuk meneruskan perjuangan di KKTG Sri Gading.

**“SEMOGA HAYUNAN LANGKAH KALIAN DISINI  
MENJADI PERMULAAN LAKARAN KEJAYAAN DI  
MASA AKAN DATANG!”**



# Industrial Talk Series

## Tajuk : Career Path In The Industry

**22 Julai 2023**



Objektif: Memberi pengetahuan serta haluan ke dalam industri pembinaan kepada pelajar sebelum menjalani latihan industri.

Program Industrial Talk yang bertajuk “CAREER PATH IN THE INDUSTRY” telah diadakan pada 22 Julai 2023 jam 10.00 pagi di Dewan Darul Takzim, KKT SRI GADING.

Sehubungan itu, program ini sedikit sebanyak dapat memberi pengetahuan serta haluan ke dalam industri pembinaan kepada pelajar sebelum menjalani latihan industri.

## KERJA MEMBAIKI PAIP BOGOR DI ASRAMA KKT M SRI GADING



Kerja baik pulih paip bocor di belakang asrama KKT M Sri Gading yang menyebabkan bekalan air ke asrama dan kuarters terputus.



Pada 29 Julai 2023 (Sabtu) telah berlaku kebocoran paip di belakang asrama KKT M Sri Gading dan telah menyebabkan bekalan air ke asrama dan kuarters terputus. Kerja-kerja baik pulih kebocoran tersebut dijalankan secara sukarela oleh staf-staf KKTMSG sendiri yang diketuai oleh Tuan Pengarah KKTMSG dan dibantu oleh beberapa orang pelajar daripada Program DTE.



Alhamdulillah, akhirnya masalah kebocoran tersebut dapat di baik pulih dan bekalan air di sekitar asrama dan kuarters KKTMSG dapat digunakan seperti sediakala. Jutaan terima kasih diucapkan kepada semua yang telah membantu dan terlibat secara langsung atau tidak langsung semasa kerja-kerja baik pulih ini berlangsung.

# MAJLIS SERAH TUGAS TIMBALAN PENGARAH



## TIMBALAN PENGARAH HAL EHWAL AKADEMIK

En. Khairul Anuar Mohd Jais telah menyerahkan tugas sebagai Timbalan Pengrah Hal Ehwal Akademik kepada Ts. Wan Jazlan Zuhairi bin Ghazali iaitu mantan Timbalan Pengarah Hal Ehwal Akademik IKM Kucing, Sarawak.

## TIMBALAN PENGARAH KHIDMAT PENGURUSAN & HAL EHWAL PELAJAR

En. Shah Zulmizan bin Safar pula menyerahkan tugas sebagai Timbalan Pengarah Khidmat Pengurusan & Hal Ehwal Pelajar kepada Pn. Hjh. Hanna Hayzalina binti Zainal (Pensyarah Matematik DG48 yang menjalankan tugas sebagai Timbalan Pengarah Khidmat Pengurusan & Hal Ehwal Pelajar).



# **MAJLIS PERPISAHAN EN. SHAH ZUL MIZAN BIN SAFAR & EN. KHAIRUL ANUAR BIN MOHD JAIS**



Majlis Perpisahan tersebut telah diadakan untuk meraikan perpindahan kedua-dua orang Timbalan Pengarah KKTM Sri Gading iaitu En. Shah Zulmizan bin Safar (Timbalan Pengarah Khidmat Pengurusan & Hal Ehwal Pelajar dan En. Khairul Anuar bin Mohd Jais (Timbalan Pengarah Hal Ehwal Akademik) ke tempat baru.

Jutaan terima kasih diucapkan kepada kedua-dua ‘tulang belakang’ KKTM Sri Gading diatas jasa yang telah disumbangkan. Semoga kedua-dua insan hebat ini dapat meneruskan legasi kecemerlangan di tempat baru.

All the best dan Bon Voyage untuk kalian berdua daripada kami di KKTM Sri Gading.



# PROGRAM TUBE TVET

Program Tunas Usahawan Belia Bumiputra (TUBE) merupakan satu program inisiatif Kerajaan bagi menggalakkan golongan belia menceburι bidang perniagaan.

Kerajaan telah memperuntukkan sebanyak RM2 juta di bawah Program TUBE ini untuk memperkasa Pendidikan Kemahiran Teknikal dan Vokasional (TVET). Program ini telah dilaksanakan oleh Kementerian Pembangunan Usahawan dan Koperasi (KUSKOP) melalui agensinya, SME Corp. Malaysia dengan Kerjasama Majlis Amanah Rakyat (MARA).



Program ini telah berlangsung pada 31 Julai 2023 – 4 Ogos 2023 di MJII, Beranang. Melalui program ini, 2 orang graduan daripada KKTm Sri Gading telah berjaya menerima Geran Pembangunan Perniagaan bernilai RM20 ribu.

Tahniah diucapkan kepada mereka yang berjaya. Semoga kejayaan yang tercipta ini akan menjadi penyuntik semangat khususnya kepada semua pelajar di KKTm Sri Gading dan juga seluruh pelajar TVET MARA.

# MAJLIS TAUTAN KASIH PROGRAM DTH SESI JULAI – DISEMBER 2023

Majlis ini merupakan acara wajib yang akan diadakan pada setiap semester yang dihadiri oleh semua warga Program DTH (Diploma in Construction Engineering Technology Highway and Transportation).

Antara agenda utama majlis ini diadakan adalah untuk menyampaikan taklimat mengenai OBE (Outcome-based Education) yang disampaikan oleh En. Mohd Farhan bin Sukaimy dan juga taklimat mengenai BEM (Board of Engineer Malaysia) yang disampaikan oleh Ts. Azrul bin Hassan.



Semasa majlis berlangsung, Presiden Pelajar DTH iaitu saudara Muhammad Aniq dijemput untuk menyampaikan ucapan sebagai wakil pelajar. Selain itu, Ts. Lelasari bin Ali selaku Ketua Program DTH juga turut menyampaikan amanat semasa majlis berlangsung.

Agenda majlis diteruskan dengan sesi ramah mesra bersama pelajar baru semester 1 (sesi Julai – Disember 2023) dan sesi penyerahan Surat Lantikan AJK Tertinggi pelajar DTH. Majlis bersurai setelah sesi fotografi selesai.



## PERINCIAN PROGRAM

Tarikh : 6 Ogos 2023

Hari : Ahad

Masa : 3.00 Petang

Tempat : Dewan Teater A, KKTMSG

Kehadiran : Semua Staf dan Pelajar DTH



# PROGRAM KEMBARA MAHKOTA JOHOR 2023



Program yang berlangsung pada 7 Ogos 2023 bertempat di Pusat Pertanian Parit Botak Senggarang, Batu Pahat ini telah disertai oleh 42 orang pelajar dari KKTM Sri Gading. Mereka juga telah melibatkan diri dalam setiap aktiviti yang diadakan dalam program tersebut.



Sempena Sambutan Bulan Kemerdekaan

# TREASURE HUNT ANAK MERDEKA

Pelajar DTF2A telah menganjurkan program Treasure Hunt Anak Merdeka pada 17 Ogos 2023 dibawah kelolaan Unit Pengajian Malaysia. Penyertaan program ini adalah terbuka kepada semua pelajar KKTm Sri Gading dengan bertujuan memupuk semangat setia kawan serta nilai patriotism melalui aktiviti dan permainan yang telah diadakan.



# JABATAN TEKNOLOGI KEJURUTERAAN PEMBINAAN (SISTEM TERMAJU) DTC SESI JUL - DIS 2023

## PROGRAM PERJUMPAAN DAN APRESIASI PELAJAR



Program ini telah diadakan pada 17 Ogos 2023 bertempat di Dewan Teater A, KKTm Sri Gading. Tujuan program ini diadakan adalah bagi memberi ruang dan peluang kepada pelajar baharu semester 1 untuk bersuai kenal dengan para pensyarah dan juga pelajar kanan program DTC. Selain itu, program ini juga bertujuan untuk memberi penghargaan kepada para pelajar yang telah berjaya memperoleh kejayaan cemerlang iaitu Anugerah Dekan bagi sesi akademik Januari – Jun 2023 dimana secara tidak langsung, penghargaan ini dapat memberi inspirasi kepada semua pelajar untuk lebih berusaha dan memperoleh kejayaan pada sesi akan datang.



# PERTANDINGAN MELODI KEMERDEKAAN



good  
vibes



PROGRAM KEMERDEKAAN KKTM SRI GADING 2023

@MELODI

KEMERDEKAAN

TEMPAT : DEWAN DARUL TAKZIM

HADIAH  
WANG TUNAI

TARIKH  
21 OGOS 2023

MASA  
8:30 PM - 10:30 PM

SUJIL  
PENYERTAI

SEBARANG PERTANYAAN BOLEH HUBUNGI:  
019-4552011 (FAIZ) & 014-2264634 (ADAM)

Pada 21 Ogos, 2023 bertempat di Dewan Darul Takzim, KKTM Sri Gading telah berlangsung satu Pertandingan Melodi Kemerdekaan. Pertandingan ini dianjurkan oleh pelajar dari program DTH 2A dibawah kelolaan Unit Pengajian Malaysia. Kesemua pelajar layak untuk menyertai program ini.

Program ini dijalankan bertujuan untuk memupuk semangat patriotik pelajar melalui penghayatan bait-bait lagu disamping mencungkil potensi dan kemenjadian pelajar dalam pelbagai aspek.



AWESOME

# PROGRAM EXPLORASI GUNUNG BANANG



Program ini telah melibatkan seramai 33 orang pelajar Semester 1 dan 9 orang pelajar senior pada 19 Ogos 2023 dimana Gunung Banang yang terletak di dalam Daerah Batu Pahat telah menjadi destinasi pendakian. Program ini bertujuan untuk mengeratkan hubungan silaturahim diantara pelajar baharu dan pelajar senior di KKTMSG. Semangat kerjasama di kalangan pelajar berjaya disemai dan dipupuk sewaktu program ini dijalankan.



**BICARA ILMU**

**LITERASI UNDANG-UNDANG KAWALAN DISIPLIN MURID**

**ABDUL RAHIM MOHIDIN**

KETUA PENOLONG PENGARAH SEKTOR PEMBANGUNAN MURID, BAHAGIAN PENGURUSAN SEKOLAH MADANI

**PROGRAM BICARA ILMU : LITERASI UNDANG-UNDANG SEKOLAH MENENGAH DAERAH BATU PAHAT (ANJURAN BERSAMA PPD BATU PAHAT, KKTM SRI GADING)**

Program ini telah diadakan pada 20 Ogos 2023 bertempat di Dewan Teater A, KKTM Sri Gading yang telah disampaikan oleh, En. Abdul Rahim Bin Mohidin yang merupakan Ketua Penolong Pengarah Sektor Pembangunan Murid, Bahagian Pengurusan Sekolah Madani. Objektif program ini ialah bagi memacu sinergi transformasi Batu Pahat dalam mengungguli pendidikan di negeri Johor khususnya dari segi disiplin pelajar.



# **PROGRAM LAWATAN KERJA (INDUSTRI)**

## **PROGRAM DTG KE UMLAB LABORATORY AND SERVICES SDN BHD**



Penyelaras Program , Pensyarah Jabatan DTG dan Pegawai Perhubungan Industri (PPI) telah membuat lawatan ke UMLAB Johor Bahru, Tmn Universiti Skudai, Johor pada 22 Ogos 2023.

Objektif program ini adalah untuk:

- Menjalankan kerjasama dalam penyediaan tempat latihan industri (Internship) kepada para pelajar.
- Membuka ruang dan peluang pekerjaan kepada lepasan pelajar KKTM Sri Gading.
- Berkongsi kepakaran, kemahiran dan ilmu teknologi terkini dalam bidang kerjaya pensyarah dan pelajar di KKTM Sri Gading.
- Kerjasama dalam bidang yang lain untuk memantapkan lagi perkembangan pensyarah dan pelajar seterusnya untuk KKTM Sri Gading.



# DUA PUTAR RODA...

## RIDE TO SUNGAI LURUS



### Destinasi dituju Sungai Lurus, Batu Pahat.

23 Ogos 2023, 12 orang kakitangan lelaki dari KKTMSG Sri Gading telah mengikuti aktiviti kayuhan basikal bermula dari KKTMSG Sri Gading sehingga ke Sungai Lurus, Batu Pahat dengan jarak perjalanan 49 kilometer. Tujuan aktiviti ini dilaksanakan adalah sebagai latihan persediaan sebelum menyertai Sukan Kakitangan Teknikal BKT, KKTMSG, MJII dan IKM Semalaysia ke-10 (SUKAT X) yang bakal diadakan di KKTMSG Kuantan. Aktiviti berbasikal ini juga dapat menjana kecerdasan dan kecerdasan tubuh badan selain mengamalkan budaya dan aktiviti sihat di kalangan kakitangan KKTMSG.



# PROGRAM SARINGAN KESIHATAN FIZIKAL

## WARGA KERJA KKTM SRI GADING



### Kesihatan

merupakan satu faktor yang sangat penting dalam melahirkan warga kerja yang sihat dan sejahtera. Warga kerja yang sihat merupakan aset yang berharga dan mampu mewujudkan masyarakat yang cerdas dan cergas terutama dalam melaksanakan kerja dan tugas hakiki di pejabat.

Sehubungan itu, Jawatankuasa Keselamatan dan Kesihatan Pekerja KKTMSG telah mengadakan Program Saringan Kesihatan Fizikal Warga Kerja KKTMS Sri Gading pada 21 Ogos 2023.



Tujuan program ini diadakan adalah untuk memastikan warga kerja sentiasa peka tentang kesihatan diri dan mengamalkan gaya hidup sihat. Pelaksanaan program ini juga adalah untuk memudahkan warga kerja KKTMS Sri Gading melaksanakan pengisytiharan kesihatan di dalam sistem HRMIS.

Semoga dengan program yang dilaksanakan ini dapat memberikan kesedaran kepada warga kerja KKTMS Sri Gading betapa pentingnya kesihatan yang berkualiti bagi memastikan kesejahteraan hidup terpelihara.






# PROGRAM CERAMAH KESIHATAN TEKANAN DARAH TINGGI



Pada 21 Ogos 2023, Jawatankuasa Keselamatan dan Kesihatan Pekerja dan Jabatan DTV telah menjemput National Kidney Foundation untuk menyampaikan ceramah kesihatan berkenaan Tekanan Darah Tinggi. Ceramah ini telah disampaikan oleh Cik Nurhidayati Md Nizam yang merupakan Eksekutif Pendidikan Awam.



Ceramah kesihatan ini telah memberi penekanan kepada penyakit tekanan darah tinggi (hypertension) yang merupakan antara pembunuhan senyap yang boleh mengakibatkan pelbagai komplikasi dan penyakit berbahaya sekiranya tidak di tangani dengan segera. Setiap warga Kerja KKTM Sri Gading perlu untuk menjaga kesihatan, menjalani gaya hidup sihat dan mengubah pola pemakanan bagi menggelakkkan dari penyakit darah tinggi.



Cik Nurhidayati turut menyatakan bahawa pemeriksaan kesihatan secara berkala amat penting bagi mengesan penyakit ini lebih awal.

# PELANCARAN SEMARAK KEMERDEKAAN YANG KE-66 PERINGKAT KKT M SRI GADING



**24 OGOS 2023 - SAMBUTAN HARI KEBANGSAAN KE-66 TAHUN 2023**

telah diraikan dengan tema Malaysia Madani

Tekad Perpaduan Penuhi Harapan peringkat KKT M Sri Gading. Pelajar Subjek Pengajian Malaysia (DUA 20062) Program DTV telah menganjurkan pelancaran program ini di Dewan Darul Takzim KKT M Sri Gading dengan kehadiran warga kerja dan pelajar KKT M Sri Gading

Pelancaran Semarak Kemerdekaan yang ke-66 peringkat KKT M Sri Gading telah disempurnakan oleh Tuan Hj Azman bin Ali, Pengarah KKT M Sri Gading. Seisi dewan telah digegarkan dengan lagu-lagu patriotik dan kibaran bendera Malaysia dari pelajar bagi menambahkan lagi semangat cintakan tanah air.

TEKAD PERPADUAN PENUHI HARAPAN





## 24 Ogos 2023 -

Bagi menyemarakkan semangat kemerdekaan, pelajar Program Geo-Struktur telah menganjurkan Program Pertandingan Booth Tercantik Sempena Perasmian Kemerdekaan.

Program seperti ini amat diperlukan oleh semua pelajar dan warga kerja KKTMS Sri Gading bagi memupuk semangat patriotisme dalam diri. Ianya juga dapat menyemarakkan semangat cinta terhadap tanah air.

## PERTANDINGAN BOOTH TERCANTIK SEMPENA PERASMIAN KEMERDEKAAN

Selain itu, pelajar juga dapat meningkatkan pengetahuan dan informasi mengenai sejarah negara Malaysia dan memupuk perasaan bangga terhadap tanah air.



Tahniah buat semua pelajar yang telah berjaya dalam pertandingan booth tercantik bertemakan kemerdekaan :-

**JUARA DIMENANGI OLEH JABATAN DTG**

**NAIB JUARA DIMENANGI OLEH JABATAN DTV**



**TEMPAT KETIGA DIMENANGI OLEH JABATAN DTE**

# PROGRAM ONE HOUR MALAYSIA CLEAN UP



## KEMENTERIAN KESIHATAN MALAYSIA (KKM)

telah mengumumkan inisiatif 'One Hour Malaysia Clean Up' bagi mengurangkan kes dan risiko kematian akibat demam denghi di negara ini. Oleh sebab itu, KKTM Sri Gading telah mengambil peluang ini dengan menganjurkan program One Hour Malaysia Clean UP di kolej pada 26 Ogos 2023.



Kerjasama dari pelajar dan juga kakitangan dalam menjayakan program ini amatlah membanggakan dimana masing-masing memainkan peranan yang penting supaya keindahan dan kebersihan kolej dapat ditingkatkan lagi. Tujuan program ini dilaksanakan adalah bagi mewujudkan persekitaran bangunan, asrama dan bengkel dalam keadaan bersih. Ini juga dapat mengelakkan pembiakan nyamuk aedes. Kekerapan melaksanakan program ini dapat mewujudkan sikap sayang terhadap kolej dan kerjasama di antara kakitangan serta pelajar.



Beberapa kawasan juga telah dibahagikan dalam menjayakan program ini seperti pembersihan parit serta kawasan tasik, pembersihan kawasan bengkel dan juga asrama.

Kakitangan pentadbiran telah ditugaskan untuk membersihkan parit di hadapan blok pentadbiran, membersihkan kawasan tasik, mencuci tingkat bawah blok pentadbiran. Selain daripada itu, mereka juga menyediakan tong kitar semula untuk pengisian minyak masak terpakai.



## KAWASAN LONGKANG



Para pelajar serta felo telah melakukan kerja-kerja pembersihan di kawasan asrama. Di antara kerja yang dilakukan ialah membersihkan longkang di persekitaran asrama serta tandas.



<<< PEMBERSIHAN DI  
ASRAMA

## HADAPAN BENGKEL BLOK A

&gt;&gt;&gt;



Pensyarah DTG serta pelajar DTG telah membersihkan hadapan bengkel blok A. Mereka membersihkan bahu jalan di hadapan bengkel blok A dan membersihkan longkang yang berhampiran.

&gt;&gt;&gt;



Program ini merupakan satu tanggungjawab yang perlu diambil oleh semua pihak dalam menjaga kebersihan persekitaran yang optimum bagi kesejahteraan kesihatan sejagat yang mana dengan pelaksanaan program ini, keberhasilan atau impak yang diharapkan menerusi Agenda Nasional Malaysia Sihat memperlihatkan peningkatan kadar kitar semula dan penurunan peratus tempat pembiakan nyamuk Aedes sekaligus dapat menurunkan kes dan wabak demam denggi.

**MAJLIS GRADUASI ALUMNI  
KKT M SRI GADING  
DI UNIVERSITY OF NEW SOUTH WALES (UNSW),  
SYDNEY, AUSTRALIA.**



**Tahniah !**

Tahniah di ucapan kepada alumni KKT M Sri Gading yang telah bergraduasi di UNSW Sydney, Australia.

Nama alumni:

1. Nurfatin Afiqah binti Muhammad Haris (dari alumni DTF)
2. Nur Hanin binti Mohd Hamdan (dari alumni DTC)



## AKTIVITI KELAB SENI KEBUDAYAAN KKTM SRI GADING



### KELAB SENI KEBUDAYAAN

merangkumi aktiviti Silat, Zapin dan Kompang. Seramai 19 orang pelajar silat, 12 orang pelajar kompong dan 14 orang yang terlibat dengan tarian zapin.

Kelab Kebudayaan ini merupakan salah satu Sekretariat Kelab Pelajar yang dipimpin oleh pensyarah Pn Fadzilah binti Mamat.

Penglibatan pelajar dalam Kelab Kebudayaan KKTM Sri Gading ini mendapat sambutan yang tinggi di kalangan pelajar. Besar harapan agar dengan penubuhan Sekretariat Kelab seumpama ini dapat mencungkil bakat dan potensi pelajar dan secara tidak langsung membentuk kemenjadian pelajar dalam pelbagai aspek.

Untuk makluman, beberapa orang pelajar silat KKTM Sri Gading sedang dalam pemilihan ke peringkat SUKMA dan IPT.

Manakala pasukan tarian Zapin telah membuat persembahan pada Malam Semarak Patriotik Peringkat Daerah Batu Pahat pada 29 & 30 Ogos 2023.

Pembimbing bagi tarian zapin ialah En Fauzan Helmi bin Ahmad dari Majlis Kebudayaan Daerah Batu Pahat. Manakala pembimbing bagi kompong ialah En Abdul Rahim bin Hj Ismail. Aktiviti silat dibimbing oleh En Omar bin Rahmat.

# MERDEKA!!!

## SAMBUTAN HARI KEMERDEKAAN YANG KE-66



## PERINGKAT DAERAH BATU PAHAT



Majlis perarakan kemerdekaan peringkat daerah Batu Pahat telah disertai oleh 33 kontinjen. KKT Mara Sri Gading merupakan salah satu kontinjen yang turut serta dan telah menghantar seramai 32 orang pelajar dari program DTM semester 1 untuk menyertai perbarisan yang berlangsung di Stadium Batu Pahat bermula seawal 8 pagi. Majlis ini juga dihadiri oleh Pengarah KKT Mara Sri Gading, Tuan Hj.Azman bin Ali dan juga Pensyarah Pengajian Malaysia, En.Mohd Khairuddin bin Abd Majid.

# **ANUGERAH PEKERJA TERBAIK BULANAN**

KOLEJ KEMAHIRAN TINGGI MARA SRI GADING



**PUAN NURUL ASHIKIN  
BINTI ABU BAKAR**

Tujuan augerah ini diberikan ialah untuk mengiktiraf dan menghargai kakitangan KKTm Sri Gading yang telah mencapai tahap kecemerlangan, menggalakkan persaingan sihat di kalangan warga kerja KKTm Sri Gading untuk meningkatkan prestasi kerja serta disiplin dan sebagai suntikan semangat kepada warga kerja KKTm Sri Gading untuk terus berkhidmat dengan lebih baik sekaligus membantu KKTMSG merealisasikan penyampaian yang lebih cemerlang.

## **ANUGERAH PEKERJA TERBAIK BULANAN KKTm SRI GADING BAGI JULAI 2023 (28.8.2023)**

KKTm Sri Gading telah mengambil inisiatif dalam memberi pengiktirafan kepada kakitangan dengan memberi Anugerah Pekerja Terbaik Bulanan. Setiap bulan, dua orang kakitangan akan dipilih untuk menerima anugerah ini.



**PUAN SITI JALEHA  
BINTI KASAN**

Penerima APT bulan Julai 2023 ialah Puan Siti Jaleha binti Kasan (Pentadbiran) dan Puan Nurul Ashikin binti Abu Bakar (Akademik). Semoga anugerah ini dapat memberi dorongan kepada semua staf dalam memberikan perkhidmatan yang lebih cemerlang.



## WAK CONSTRUCTION ENTERPRISE

Wak Construction Enterprise merupakan syarikat yang diusahakan oleh bekas pelajar KKTm Sri Gading iaitu saudara Muhammad Firdaus Bin Moain dari Program DTG.



Antara perkhidmatan yang ditawarkan oleh syarikat adalah :

- membina gabion
- menaik taraf longkang
- menaik taraf culvert
- menaik taraf laluan pejalan kaki
- kerja-kerja menyelenggara pokok
- kerja mencuci parit
- kerja menurap jalan

## MUHAMMAD FIRDAUS BIN MOAIN



+6017-729 4897



\_dauz\_



Muhammad Firdaus



# UMLAB LABOROTARY & SERVICES SDN BHD



**UMLAB LABORATORY & SERVICES SDN BHD**  
 merupakan syarikat yang bertapak di Skudai, Johor. Syarikat ini dimiliki oleh anak muda saudara Raimi Bin Mohd Ramli bekas pelajar KKTM Sri Gading dari Program DTG.

Syarikat ini juga menjadi rakan kongsi strategik dengan Universiti Teknologi Malaysia dan Universiti Tun Hussein Onn Malaysia.



**UMLAB LABORATORY SERVICES SDN BHD** menawarkan perkhidmatan :

- *ujian konkrit dan bata*
- *ujian asfalt & bitumen*
  - *ujian bar keluli*
  - *ujian geoteknikal*
- *ujian agregat dan pasir*



**TC RAIMI BIN MOHD RAMLI**



No. 64, Jalan Perdagangan 4,  
 Taman Universiti, 81300 Skudai,  
 Johor Darul Takzim.



07-5624803



019-2101626



[www.umlab.com.my](http://www.umlab.com.my)




[info@umlab.com.my](mailto:info@umlab.com.my)

# SY4 ENTERPRISE



SY4 Enterprise merupakan syarikat yang mempunyai ladang ternakan lembu. Ladang ternakan ini dimiliki oleh saudara Muhammad Syahmi Bin Sumari, alumni KKTM Sri Gading dari Program DTG. Ternakan yang hanya bermula dari 10 ekor lembu dan kini telah melebihi 20 ekor untuk di pasarkan.



MUHAMMAD SYAHMI BIN  
SUMARI



Jalan Hailam , Parit Jelutong



+6011-1321 7784



SY4 ENTERPRISE